


EKUINOKS

DISEDIAKAN OLEH: JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK

APAKAH ITU EKUINOKS?



Infographic © Astro Awani Network Sdn. Bhd.

Perkataan *ekuinoks* berasal daripada perkataan bahasa Latin *aequus* (bersamaan) dan *nox* (malam). Satu fenomena astronomi apabila kedudukan matahari sejajar dengan garisan khatulistiwa, menjadikan bumi dan matahari berada pada jarak paling dekat dalam sistem solar.

APAKAH KESANNYA?

Siang dan malam adalah sama iaitu 12 jam dan suhu di seluruh dunia meningkat.

BILA BERLAKU?

Berlaku hanya 2 kali dalam setahun iaitu pada bulan Mac dan September.

APAKAH BEZANYA?

Ekwinoks bulan Mac menandakan musim bunga di Hemisfera Utara dan musim luruh di Hemisfera Selatan. Manakala Ekwinoks bulan September menandakan musim luruh di Hemisfera Utara dan musim bunga di Hemisfera Selatan.

Bagi negara yang beriklim tropika seperti Malaysia, cuaca dijangka lebih panas kerana matahari berada tepat pada garisan Khatulistiwa.

BAGAIMANA TERJADI?

Matahari bergerak melintasi garisan Khatulistiwa bagi mengubah posisinya dari hemisfera Selatan kepada Hemisfera Utara selepas 6 bulan pada kedudukan yang sama.

PENJELASAN

Ekwinoks adalah satu peristiwa astronomi yang berlaku 2 kali setahun yang melibatkan kecondongan bumi pada paksinya semasa mengelilingi matahari. Bagaimanapun pada bulan September dan Mac, Bumi tidak condong pada paksinya berbanding matahari. Pada waktu itu juga, matahari berada di dalam persimpangan garisan khatulistiwa langit dan garisan laluan matahari di bumi iaitu ekliptik.

Oleh itu, siang dan malam terjadi pada tempoh yang hampir sama. Ekwinoks berlaku pada 20 atau 21 Mac dan 22 atau 23 September pada setiap tahun. Matahari berada di dalam buruj Pisces semasa ekwinoks Mac dan di dalam buruj Virgo semasa Ekwinoks September.

Ekwinoks yang berlaku pada Mac dipanggil Ekwinoks Mac atau Ekwinoks Musim Bunga atau Vernal Ekwinoks di Hemisfera Utara. Pada masa yang sama juga berlaku ekwinoks di Hemisfera Selatan tetapi ia dipanggil Ekwinoks Musim Luruh atau Autumnal Ekwinoks.

Ekwinoks yang berlaku pada September dipanggil Ekwinoks September atau Ekwinoks Musim Luruh di Hemisfera Utara. Pada masa yang sama berlaku Ekwinoks Musim Bunga atau Vernal Ekwinoks di Hemisfera Selatan.

Rujukan :

<http://img.astrowani.com>

<https://ms.wikipedia.org/wiki/Ekuinoks#/media/Fail:Equinox-90.jpg>

<https://youtu.be/ADM-WjYryXs>